

Headline	TNB laksana projek rintis jayakan NCP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	664 cm ²	Journalist	HARITH NIZAR
PR Value	RM 39,371		



TNB laksana projek rintis jayakan NCP

Oleh HARITH NIZAR

pengarang@utusan.com.my

JASIN 6 Sept. - Sebanyak 1,100 daripada 4,300 kediaman di tiga kawasan iaitu Taman Merbau, Taman Maju dan Felda Kemendor di sini akan mendapat akses rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi fiber optik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah projek rintisnya bagi menjayakan program National Connectivity Plan (NCP).

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, dengan infrastruktur sedia ada, TNB akan memulakan projek rintis untuk menilai aspek teknikal, keselamatan dan keboleharapan komersial.

"TNB dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah diminta untuk bersama-sama mengambil peranan mempercepatkan program NCP ini.

"Projek rintis yang bermula bulan ini dijangka siap pada akhir 2018. Melalui projek rintis ini, TNB akan meneroka potensi menggunakan kapasiti sedia ada aset telekomunikasi untuk NCP yang telah dikenal pasti sebagai pemangkin ke arah ekonomi digital, tanpa kompromi kepada keselamatan dan kestabilan rangkaian bekalan elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pengumuman Projek Rintis NCP di TNB Jasin, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan negeri, Kerk Chee Yee serta Pengarah Projek NCP, Muhammad Faisal Sidek yang menyampaikan taklimat mengenai projek rintis tersebut.

Sementara itu, Moggie mem-

beritahu, projek rintis berkenaan bakal menjadi platform bagi menguji konsep Akses Terbuka (*Open Access*) yang dicetuskan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Platform ini dijangka merangsang penyertaan aktif daripada pembekal baharu dan sedia ada dalam jaringan (*backhaul*) dan jalur lebar runcit yang akan mewujudkan persaingan dan menurunkan harga jalur lebar untuk manfaat rakyat Malaysia.

"Kami merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri

Melaka. Sokongan dan kerjasama yang diberikan kerajaan negeri akan membolehkan projek perintis NCP berjalan lancar," katanya.

Dalam pada itu, Moggie menjelaskan, projek itu juga akan membantu serta memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia bagi mendapatkan akses kepada internet di era digital kini.

"Projek ini bakal mengurangkan lagi jurang digital selain membantu ekonomi digital di Malaysia dalam usaha menjadi sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. NCP juga akan meningkatkan lagi kualiti, kemampuan dan keluasan liputan rangkaian jalur lebar untuk masyarakat negara ini," katanya.



Melalui projek rintis ini, TNB akan meneroka potensi menggunakan kapasiti sedia ada aset telekomunikasi untuk NCP yang telah dikenal pasti sebagai pemangkin ke arah ekonomi digital, tanpa kompromi kepada keselamatan dan kestabilan rangkaian bekalan elektrik."

LEO MOGGIE
Pengerusi TNB

Headline	TNB laksana projek rintis jayakan NCP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	664 cm ²	Journalist	HARITH NIZAR
PR Value	RM 39,371		



LEO MOGGIE (tengah) menjawab soalan wartawan dalam sidang akhbar majlis pengumuman Projek Rintis TNB dalam menjayakan NCP sambil diperhatikan oleh Kerk Chee Yee (kiri) dan Muhammad Falsal Sidek di TNB Jasin Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

Headline	TNB laksana projek rintis jayakan NCP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	664 cm ²	Journalist	HARITH NIZAR
PR Value	RM 39,371		

